



KENYATAAN MEDIA

**SWM ENVIRONMENT DAN COCA-COLA BOTTLERS MALAYSIA
BEKERJASAMA SEDIA FASILITI KITAR SEMULA**

NILAI, 21 OKTOBER 2023 – SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) dan Coca-Cola Bottlers Malaysia-Singapura-Brunei bekerjasama dalam menyediakan fasiliti kitar semula iaitu Pusat Pandu Lalu KITAREcycle Coca-Cola untuk memajukan kelestarian alam sekitar dan membantu mencapai matlamat pembangunan lestari di kawasan perumahan, Nilai.

Empat (4) buah lokasi fasiliti Pusat Pandu Lalu KITAREcycle Coca-Cola disediakan di kawasan Nilai iaitu di Jentayu @ Enstek, Laman Mawar, Cempaka Seri 1 dan Cempaka Seri 2 yang terletak di kawasan perumahan Kota Seriemas.

Objektif utama penyediaan fasiliti ini disediakan adalah bagi memupuk kesedaran yang tinggi dalam masyarakat berkenaan pengurusan sisa domestik, pengasingan sisa pepejal di punca dan membudayakan amalan pengurusan sisa kitar semula di dalam kehidupan seharian. Malah, dengan peningkatan fasiliti kitar semula, dijangkakan kadar kitar semula bahan buangan akan meningkat secara signifikan, mengurangkan jumlah bahan buangan yang masuk ke tapak pelupusan sampah.

Pusat Pandu Lalu KITAREcycle Coca-Cola adalah bukti kepada komitmen padu antara dua syarikat ini terhadap amalan pengurusan sisa yang lebih mampan, terutamanya dalam aktiviti pengasingan sisa pepejal di punca dan kitar semula. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada misi bersama dalam memberikan sumbangan positif kepada alam sekitar dan menyokong ekonomi kitaran (*circular economy*).

"Kami yakin dengan adanya Pusat Pandu Lalu KITAREcycle Coca-Cola ini, ia akan menginspirasi perubahan tingkah laku yang positif dalam kalangan komuniti berkaitan dengan pengasingan sisa pepejal di punca dan membudayakan amalan kitar semula. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Coca-Cola Bottlers Malaysia-Singapura-Brunei dalam usaha membantu kerajaan untuk mencapai kadar kitar semula kebangsaan sebanyak 40% menjelang 2025 dengan menyediakan fasiliti ini," kata Ketua Pegawai Eksekutif, SWM Environment, Tuan Ho De Leong.

Tambah beliau lagi, Pusat Pandu Lalu KITAREcycle Coca-Cola dijangka akan menjadi model pengurusan sisa mampan di Malaysia, ini menunjukkan kolaborasi erat antara pemain industri untuk mendorong kearah perubahan positif dan lebih memberi impak besar kepada masyarakat umum.

"Semua pek pembungkusan kami seperti tin aluminium dan botol PET, boleh dikitar semula sepenuhnya. Melalui kerjasama ini, kami berhasrat untuk terus meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat tentang kepentingan kitar semula dan keperluan pengasingan sisa di punca yang betul bagi memastikan kitaran pembungkusan yang baik. Pembungkusan yang telah diguna pakai oleh pengguna mempunyai nilai tersendiri dan boleh digunakan semula sebagai



pembungkusan baharu," kata Khairul Anwar Ab. Gahani, Pengarah Hal Ehwal Awam, Komunikasi dan Kelestarian di Coca-Cola Bottlers Malaysia-Singapura-Brunei.

Justeru itu, orang ramai diseru untuk tidak melepaskan peluang dengan melaksanakan kitar semula dengan menyertai program kitar semula berdigital KITAREcycle SWM Environment yang menawarkan penebusan mata ganjaran kepada wang tunai secara dalam talian. Orang ramai hanya perlu memuat turun aplikasi KITAREcycle di telefon pintar atau melayari <https://portal.kitarecycle.com> dan mendaftar sebagai ahli secara percuma.

Turut hadir pada hari pelancaran adalah YB Tuan Arul Kumar A/L Jambunathan, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan Dan Pengangkutan.

Sehingga September 2023, terdapat 8,858 ahli KITAREcycle dan sejumlah 770 tan barangan kitar semula berjaya diselamatkan daripada dihantar ke pusat pelupusan sampah hasil daripada program KITAREcycle di Negeri Sembilan. Hasil tersebut bukan sahaja daripada sumbangan ahli yang menggunakan fasiliti Pusat Pandu Lalu KITAREcycle, tetapi turut melibatkan agensi-agensi kerajaan, swasta, institusi pendidikan, komuniti setempat, badan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya sebagai rakan strategi SWM Environment.

Bagi maklumat lanjut berkenaan kempen ini, orang ramai boleh melayari laman web KITAREcycle di <https://swm-environment.com/> atau www.kitarecycle.com.

-TAMAT-

MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.



SWM ENVIRONMENT

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

MENGENAI COCA-COLA DI MALAYSIA

Selain daripada Coca-Cola, salah satu jenama paling berharga di dunia, sistem Coca-Cola di Malaysia juga mengeluarkan, memasarkan dan mengedarkan lebih daripada 80 produk termasuk minuman bergas (Coca-Cola Rasa Asli, Sprite, Fanta, A&W, Schweppes), minuman bergas rendah dan sifar kalori (Coca-Cola Light, Coca-Cola Zero Sugar), minuman buah-buahan (Minute Maid Pulpy, Minute Maid Refresh, Minute Maid Qoo), teh (Syurga dan Bumi, Authentic Tea House), minuman penghidrat & air (Glaceau Vitaminwater, Dasani) dan minuman tenaga (Predator).

Coca-Cola telah bertapak di Malaysia sejak 1936 dan setakat ini mempunyai lebih 200,000 pelanggan di seluruh Malaysia termasuk, Sabah dan Sarawak. Coca-Cola memberi fokus dalam merealisasikan inisiatif kelestarian dan melaksanakan inisiatif secara berkesan bagi memenuhi keperluan masyarakat tempatan. Antaranya adalah melalui inisiatif kitar semula dengan kerjasama pelbagai pihak, penyediaan kemudahan air bersih untuk lebih 23,000 orang penduduk luar bandar Sabah dan usaha memperkasakan golongan wanita dari segi ekonomi, Coca-Cola adalah komited untuk menghasilkan impak positif kepada masyarakat setempat.

Untuk maklumat lanjut mengenai Coca-Cola Malaysia, sila layari: www.coca-cola.com.my

LinkedIn: <https://www.linkedin.com/company/cocacolasima/>

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Nurul Liza Binti Mohd Najib

Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Negeri Sembilan & Melaka)

Tel : 06 – 6014280/ 012 – 684 7168

E-mel : nurulliza.najib@swmsb.com